

HAFAZAN AL-QURAN MENERUSI MEDIA SOSIAL: SATU KAJIAN TERHADAP PENGARUH DAN PERANAN DALAM MASYARAKAT

Reciting the Quran through Social Media: A Study of the Influence and Role of Society

Fatin Nazmin Mansor¹ Siti Mursyidah Mohd Zin², Safinah Ismail³, Nurzatil Ismah Azizan⁴, Siti Nur Husna Abd Rahman⁵

¹ Pensyarah KUIS, fatinnazmin@kuis.edu.my

² Pensyarah KUIS, sitimursyidah@kuis.edu.my

³ Pensyarah KUIS, safinah@kuis.edu.my

⁴ Pensyarah KUIS, nurzatil@kuis.edu.my

⁵ Pembantu penyelidik GPI ,GPIK KUIS 2019

* Fatin Nazmin Mansor, , Pensyarah, Jabatan Tahfiz dan Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam , Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), fatinnazmin@kuis.edu.my

Artikel diterima: 6 Jan 2020

| Selepas Pembetulan: 25 Mei 2020

| Diterima untuk terbit 5 Jun 2020:

Abstrak

Menghafal al-Quran merupakan amalan yang dapat membimbing jiwa dan fikiran seseorang, kerana jika mampu menjaga hafalan maka akan menjadi ibadah yang berkekalan. Gelombang modenisasi pada masa kini menunjukkan bahawa media sosial menjadi salah satu saluran yang membawa maklumat daripada satu sumber kepada satu sumber yang lain. Bahkan dapat diterima sebagai medium penyebaran mesej Islam namun bergantung kepada tahap kesahan atau kesahihan mesej yang disampaikan. Justeru, manusia menciptakan interaksi baru tanpa harus bertemu secara fizikal melalui media sosial seperti *Facebook, WhatsApp, Telegram, Twitter, Instagram, Youtube* dan sebagainya. Namun media sosial disalah guna oleh sebahagian pengguna contoh mengupload video yang tidak bermanfaat. Dari aspek hafalan al Quran secara tradisi pula menimbulkan membosankan. Sementara itu, dengan adanya media sosial pula, menyebabkan masyarakat semakin jauh dengan al-Quran disebabkan sibuk dengan media sosial. Oleh itu, bagi menarik minat pelajar cintakan al-Quran memerlukan penggunaan media sosial. Justeru, Kajian ini mengkaji pengaruh dan peranan media sosial dalam bidang hafazan al-Quran. Metod kajian menggunakan reka bentuk fenomenologi iaitu berdasarkan kepada fenomena yang berlaku. Data kualitatif dikumpul melalui analisis dokumen dan pemerhatian. Data yang ditemui telah dianalisis secara deskriptif menggunakan pendekatan analisis tematik. Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan media sosial mampu mempengaruhi masyarakat Islam terutama dalam membantu dalam menyalurkan maklumat dan kaedah menghafal al-Quran dan aplikasinya dalam kehidupan seharian masyarakat Islam. Kajian ini merungkai bagaimana media sosial berpengaruh dalam hafalan al-Quran dan memupuk minat berkaitan kepentingan menghafal al-Quran.

Kata kunci

Hafazan, Al-Quran, Media Sosial, Pengaruh, Peranan

Abstract

Memorizing the Quran is a practice that can guide a person's soul and mind because if he is able to memorize it then it will be a lasting worship. The current wave of modernization shows that social media is one channel that brings information from one source to another. It may even be accepted as a medium of spreading the message of Islam but depends on the validity or validity of the message being delivered. Thus, humans create new interactions without having to meet physically through social media such as Facebook, WhatsApp, Telegram, Twitter, Instagram, Youtube and so on. But social media is misused by some users for uploading useless videos. From the recitation of the Quran traditionally it is boring. Meanwhile, with the advent of social media, the community has moved further away from the Quran because of its busy social media. Therefore, to attract students to love the Quran requires the use of social media. Therefore, this study examines the influence and role of social media in other areas of the Quran. The method of study uses phenomenological design which is based on phenomena. Qualitative data were collected through document analysis and observation. The data found were analyzed descriptively using a thematic analysis approach. The study found that the use of social media can influence the Muslim community especially in helping to convey information and methods of memorizing the Quran and its application in the daily life of the Muslim community. This study explores how social media influences the memorization of the Quran and promotes interest in the importance of memorizing the Quran.

Keywords

Reciting, the Quran, Social Media, Influence, Role

1. Pengenalan dan Permasalahan Kajian

1.1 Hafazan Al-Quran

Hafazan merupakan salah satu metode yang digunakan dalam proses pemeliharaan al-Quran sehingga ke hari ini. Menghafaz merupakan salah satu dari teknik yang telah digunakan oleh ulama silam dalam memelihara ilmu terutamanya dalam pemeliharaan al-Quran. Tidak dinafikan dalam zaman yang serba moden ini terdapat banyak kaedah seperti audio , visual dan kinestetik yang digunakan bagi memastikan al-Quran terpelihara. Namun demikian kaedah hafazan masih tetap digunakan bagi memastikan al-Quran tetap utuh di hati para penganutnya. Pendekatan ini dikuatkan lagi dengan pelbagai ganjaran yang akan diberikan oleh Allah SWT bagi golongan yang menghafaz al-Quran. Menurut (al-Habasyi 1987). Ia merupakan salah satu usaha untuk menjamin terlaksananya sebahagian sunah-sunah Rasulullah s.a.w dan tidak mungkin dapat dilakukan tanpa melalui proses penghafazan al-Quran (al-Hafiz, t.t).

Kebiasaannya di Malaysia istilah hafiz diberikan kepada mereka yang menghafaz seluruh al-Quran, namun sebenarnya gelaran tersebut hanya layak diberikan kepada mereka yang menghafaz hadis dengan bilangan yang banyak dan

mengetahui kedudukannya samada ia sahih atau dhaif. Gelaran yang lebih sesuai adalah pendokong al-Quran atau "*hāmil al-Qurān*". Walau apa jua gelaran yang diberikan, tanggungjawab mereka adalah memelihara kesucian al-Quran yang telah dihafal. Imam Nawawi pernah menyatakan bahawa orang-orang yang mahir al-Quran itu ialah orang yang cukup matang penghafazannya sehingga ia mempunyai kelancaran dan senang membacanya di mana-mana sahaja mereka berada mereka dapat membaca dan mengulangnya (al-Qari,1979). Menghafaz adalah suatu perkara yang mulia. Penghafaznya mendapat kedudukan yang istimewa di sisi Allah SWT. Ulama terbilang kebanyakannya adalah mereka yang menguasai al-Quran dan al-Sunnah dan inilah rahsia mereka menjadi umat yang hebat (Zulkifli,2003). Menghafaz seluruh al-Quran bukan menjadi wajib (fardu ain) kepada setiap muslim, walau bagaimanapun para ulama' telah mengeluarkan hukum bahawa menghafaz al-Quran menjadi fardu kifayah agar keaslian dan kesucian al-Quran sentiasa terpelihara. Ia menjadi suatu keperluan kepada umat Islam sepanjang zaman (Zulkifli,2003). Membaca al-Quran adalah suatu amalan mulia apatah lagi sekiranya seseorang itu mampu menghafaznya. Allah SWT telah menjanjikan beberapa keistimewaan dan kelebihan kepada orang-orang yang membaca al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah Fathir:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا
 وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجْرَةً لَّن تَبُورَ ۚ لَن لِّيُوفِيَهُمْ أَجْرَهُمْ وَيَزِيدَهُم مِّنْ
 فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ۝ ٣٠

Maksudnya: Sesungguhnya Kami mengutusmu dengan (agama) yang benar, sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar) dan tidak ada, sesuatu umat pun melainkan telah ada dalam kalangnya dahulu seorang Rasul pemberi ingatan dan amaran (29). Dan jika mereka (yang kafir itu) mendustakanmu, (maka yang demikian itu tidaklah menjadi hal) kerana sesungguhnya orang-orang yang terdahulu sebelum mereka telah juga mendustakan (Rasul masing-masing), mereka telah didatangi Rasul-rasulnya dengan membawa keterangan-keterangan (mukjizat) yang nyata dan Kitab-kitab (nasihat pengajaran) serta Kitab-kitab (syariat) yang terang jelas (30).

Ayat al-Quran diatas memberi galakan kepada mereka yang beriltizam membaca al-Quran, mendirikan solat, menunaikan zakat samada secara terang-terangan atau tersembunyi dianggap termasuk golongan mereka yang mengharap suatu perniagaan yang tidak akan rugi. Dalam ayat seterusnya Allah menjanjikan pahala yang sempurna dan menambah kurniaanNya bagi mereka yang memiliki ciri-ciri berkenaan. Keistimewaan dan kelebihan para penghafaz al-Quran bukan setakat diperolehi semasa di dunia malah juga diberi semasa di akhirat kelak. Kedudukan seseorang mukmin diakhirat kelak tergantung akhir ayat al-Quran yang dibacanya. Dengan ini al-Quran menggalakkan pengamalNya agar sentiasa beriltizam membaca al-Quran dengan penuh tatatertib kerana kedudukan seseorang itu diakhirat nanti tertakluk kepada ayat-ayat al-Quran yang terakhir

dibacanya semasa didunia. Para penghafaz al-Quran juga akan mendapat syafaat daripada hafazannya di akhirat kelak.

Setiap masyarakat Islam tidak wajar mempertikaikan mengenai aturan dan perundangan Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT seperti yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Hal ini kerana perundangan Islam adalah salah satu perundangan hidup manusia yang terjamin, lengkap, komprehensif, sistematik, praktikal dan bersifat universal (Abdullah Hj. Ishak 1997). Perundangan Islam juga mampu mendorong manusia sentiasa akur dengan perintah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan membawa kepada kehidupan yang sentiasa mendapat berkat dan diberi rahmat oleh Allah SWT. Aturan dan perundangan Islam yang telah ditetapkan sesuai dilaksanakan kepada seluruh manusia yang berada di muka bumi Allah SWT ini tidak kira ia berada di negara Islam ataupun berada di negara bukan Islam terutama di dalam isu berkaitan dengan hafazan al-Quran. Pemahaman hafazan al-Quran yang baik dapat membentuk akhlak dan peribadi seseorang yang akan menyumbang kepada pembentukan peribadi yang cemerlang. Sebagai orang Islam, adalah menjadi kewajipan untuk mempelajari ilmu al-Quran berdasarkan syariat Islam yang betul (Harlida Abdul Wahab & Alias Azhar 2014). Walaupun berada di dalam arus perbezaan zaman, budaya, masyarakat, bangsa, situasi dan tradisi. Penetapan hukum dan pelaksanaan hukuman mestilah adil, bersifat sederhana serta amat berkesan dalam menangani segala urusan hidup manusia sebagai makhluk Allah SWT. Islam bukan sahaja memberi perhatian terhadap ibadah semata-mata, bahkan mengambil berat tentang bagaimana muamalat individu dengan individu yang lain.

Oleh itu nikmat harta yang dikurniakan Allah SWT wajib disyukuri bukannya dicemari dan disalah gunakan. Selain itu, apabila kefahaman berkenaan menghafaz al-Quran sudah mula dikuasai oleh semua golongan masyarakat Islam maka kefahaman adalah merupakan suatu kaedah yang signifikan dalam menyelesaikan permasalahan syariat yang berkaitan dengan masyarakat Islam berada di negara ini. Pengumpulan al-Quran mempunyai dua pengertian yang berbeza dan terhimpun dalam satu kalimah iaitu *jam'ah*. Kalimah ini disebut dalam firman Allah SWT yang berbunyi :

إِنَّ عَلَيَّ نَا حَمَّ عَهُ وَفُرَّآءَانَهُ ١٧

Maksudnya:

Janganlah engkau (wahai Muhammad) Kerana hendakkan cepat menghafaz Quran yang diturunkan kepadamu menggerakkan lidahmu membacanya (sebelum selesai dibacakan kepadamu).

Surah al-Qiyamah (75):17.

Pengumpulan al-Quran dalam bentuk hafazan bermaksud menyimpan dan mengingat ayat-ayat hafazan dengan kukuh di dalam dada. Bentuk pengumpulan ini telah dikurniakan oleh Allah SWT lebih dahulu kepada Nabi Muhammad SAW berbanding manusia lain. Hal ini telah memudahkan para sahabat pilihan hidup sezaman dengan baginda mengikut jejak langkah baginda sebagai penghafaz al-Quran dalam jumlah yang ramai. (al-Salih,1981). Firman Allah SWT :

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي آلِ آمِيٍّ نَبِيًّا رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو
عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن
كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ٢

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya?.

Surah al-Jumua (62): 2.

Justeru itu setiap kali Rasulullah SAW menerima wahyu beliau akan terus menghafaznya dan kemudian beliau menyampaikannya kepada para sahabat dan diperintahkan mereka untuk menghafaz dan mengamalkannya. Proses turunnya al-Quran yang berperingkat-peringkat ini sangat membantu dan memudahkan Rasulullah SAW bagi menyampaikan kepada para sahabat kemudian memahami isi kandungannya (al-Hafiz, t.t).

Menghafaz ayat-ayat al-Quran bukanlah menjadi permasalahan yang besar kepada bangsa Arab ketika itu. Allah SWT telah menganugerahkan kepada mereka kekuatan dalam hafazan sehingga mampu mengingat semua perkara seperti syair-syair, salasilah keturunan, peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam kehidupan sehari-hari (al-Sabuni,t.t) Semua perkara tersebut hanya direkodkan dalam daya ingatan mereka semata-mata, dan ini merupakan antara budaya dan kelaziman yang mereka lakukan. Seterusnya mengulang-mengulangnya secara istiqamah sehingga sebati di dada seterusnya menyebar luaskan kepada sahabat-sahabat lain dan tabi'in. Dengan demikian penghafaz al-Quran semakin bertambah dan al-Quran dapat dipelihara melalui kaedah ini (al-Hafiz, t.t)

Rasulullah SAW tidak hanya menumpukan usaha pemeliharaan al-Quran melalui hafazan semata-mata, beliau juga telah mengarahkan beberapa orang sahabat untuk menulis ayat-ayat yang telah dihafal itu pada pelepah kurma, batu-batu, kulit-kulit binatang, potongan-potongan kayu dan sebagainya. Antara sahabat yang beliau pilih sebagai penulis wahyu adalah dari kalangan para sahabat yang terkemuka seperti Ali bin Abi Talib, Mu'awiyah bin Abu Sufyan, Ubay bin Ka'ab dan Zayd bin Thabit. Dengan demikian tulisan-tulisan tersebut membantu mereka dalam penghafazan al-Quran. (al-Qattan,t.t)

1.2 Media Sosial

Pemahaman bidang hafazan al-Quran ini dalam masyarakat Islam adalah amat penting dan media baharu boleh digunakan sebagai senjata dalam memberi kesedaran

mengenai hal ini. Media baharu yang digunakan telah mengubah landskap komunikasi individu dengan individu lain. Penggunaan media sosial ini meliputi tuntutan pelaksanaan dakwah yang harus menggunakan pelbagai kaedah mengikut kesesuaian zaman. Penggunaan media sosial seperti *Facebook* dan *Twitter* dilihat memberi peluang yang luas terhadap penyebaran pesanan dakwah kerana sifatnya yang pantas dan lebih global. Ini jelas apabila terdapat pendakwah-pendakwah tersohor turut menjadikan media sosial sebagai wadah penting penyebaran dakwah mereka. Selain itu, berdakwah merupakan satu tuntutan dan tanggungjawab yang besar yang perlu dilaksanakan oleh umat Islam dengan menitikberatkan *konsep amar ma'ruf nahi munkar* (Zulkiple, 2001). Media sosial boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana sahaja dengan menggunakan alat komunikasi mudah alih dan telefon pintar. Media sosial membolehkan maklumat disebar dengan pantas tanpa sempadan mengakibatkan terjadinya fenomena besar terhadap pengaliran maklumat yang tidak hanya berlaku di negara-negara maju, bahkan juga di Malaysia. Kelebihan yang dimiliki media baharu yang dikuasakan oleh Internet yang mempunyai pelbagai aplikasi, mudah dicapai dan penyampaian maklumat secara cepat dan pantas sekaligus menjadikannya sebagai medium yang popular. Internet menjadi ruang digital baru mewujudkan ruang kebudayaan. Tidak dapat dielakkan bahawa kewujudan Internet memberikan banyak kemudahan kepada penggunanya (Primada Qurrota Ayun, 2015).

Perkembangan media sosial telah menjadi platform untuk melibatkan diri dalam masyarakat (Supyan Hussin, 2015). Jika dahulu pada tahun 1980-an, masyarakat Islam agak sukar untuk mengetahui segala perkara yang berlaku di sekelilingnya sehinggalah berita itu dikeluarkan di dada akhbar. Namun kini, masyarakat Islam dengan mudah dapat mengetahuinya melalui media sosial (Mior Kamarulbaid, 2015). Rosmawati (2011) pula menjelaskan antara kelebihan laman web sosial yang menjadikannya sebagai pilihan pengguna Internet hari ini adalah disebabkan penawarannya mencipta personal maya dalam setiap profil pengguna serta sebagai bentuk komunikasi dengan pelbagai aktiviti. Ini membolehkan pengguna bergerak secara aktif dalam komunikasi maya dan berkongsi idea secara individu. Selain itu, para pengguna bebas bersuara dan melontarkan pandangan melalui tulisan-tulisan mereka di laman-laman sosial. Selain daripada itu, menurut Siti Eizaleila dan Azizah (2010), laman jaringan sosial menawarkan fungsi yang sama iaitu sebagai tempat untuk bertemu sahabat baharu, mengekalkan persahabatan, berkongsi maklumat dan idea untuk tujuan peribadi mahupun tujuan perniagaan serta menyatukan orang ramai. Ini jelas menunjukkan kelebihan media sosial yang boleh digunakan oleh para pendakwah dalam menyebarkan mesej Islam kepada seluruh masyarakat di Malaysia mahupun merentasi sempadan dunia. Oleh itu, penggunaan media bukan sekadar meluaskan masa lapang, namun mampu menjadi rangkaian komunikasi yang meluas kepada segenap lapisan masyarakat. Justeru, media sosial ini turut menjadi satu cara untuk kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya mengenai bidang hafazan secara terperinci.

Ini selaras dengan Ilham Maulana et al. (2020) yang menyatakan bahawa masyarakat kini mula cenderung kepada pada teknologi terutama media sosial. Oleh yang demikian, umat Islam boleh menjadikan media sosial sebagai salah satu sarana untuk berdakwah contohnya mengupload, mendengar video, ceramah di YouTube.com, istagram, telegram dan sebagainya. Justeru, media sosial dapat diterima sebagai medium penyebaran mesej dakwah, Walau bagaimana pun ia bergantung kepada tahap kesahan atau kesahihan mesej dakwah Secara tidak

langsung dapat mengajak kepada kebajikan dan mencegah dari kemungkar. Namun terdapat sebahagian pengguna menyalahgunakan media ini contoh mengupload video yang tidak bermanfaat (Nur Azman 2017). Manakala Siti Suriyani Sulaiman (2018) berpandangan pengajaran al-Quran secara tradisional menyebabkan pelajar bosan, sedangkan media melalaikan pelajar bahkan masyarakat semakin jauh dengan al-Quran. Oleh itu, kaedah dan teknik pengajaran al-Quran hendaklah dipelbagaikan agar dapat menarik minat pelajar khususnya dalam usaha melahirkan generasi yang cintakan al-Quran. Sehubungan itu, penggunaan media sosial dapat memberi kesedaran kepada masyarakat Islam khususnya mengenai bidang hafazan al-Quran. Oleh yang demikian, dengan adanya media sosial dan telefon pintar, penghafal al-Quran dapat mengetahui mengenai bidang al-Quran dengan mudah dan cepat serta boleh di akses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa.

2. Metodologi Kajian

Metodologi kajian merupakan perancangan umum bagaimana penyelidikan yang ingin dilaksanakan dapat menghasilkan data-data yang tepat atau hampir tepat bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang berkualiti untuk manfaat bersama (Chua Yan Piaw, 2014). Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk fenomenologi iaitu berdasarkan kepada fenomena yang berlaku dalam masyarakat kini. Data kualitatif dikumpul melalui analisis dokumen seperti buku, jurnal, prosiding, bab dalam buku dan pemerhatian daripada media sosial berkaitan hafalan quran kanak-kanak iaitu Tahfiz Muda, Qari Junior dan Hafiz Indonesia. Data yang ditemui telah dianalisis secara deskriptif menggunakan pendekatan analisis tematik.

Rekabentuk kajian merujuk kepada suatu teknik atau kaedah tertentu untuk memperoleh maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan masalah. Ia dapat memastikan bahawa maklumat yang diperolehi adalah sesuai dengan persoalan masalah yang ingin diselesaikan. Di samping itu, maklumat yang dikumpul akan diperolehi dengan kaedah yang paling berkesan (Mohd Majid Konting, 1998).

3. Dapatan Kajian

3.1 Pengaruh Media Sosial Dalam Hafazan Al-Quran

Hafazan al-Quran menerusi media sosial dapat mempengaruhi masyarakat Islam umumnya dan khususnya kepada anak-anak agar mencintai al-Quran. Ini dapat dilihat dari beberapa program yang diupload dalam Youtube iaitu Tahfiz Muda, Hafiz Indonesia dan Qari Junior.

a) Tahfiz Muda

Tahfiz Muda merupakan program realiti terbitan Astro yang mencungkil bakat kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun dalam kemahiran meghafaz al-Quran. Rancangan ini diterbitkan pada 2016 dan diteruskan sehingga tahun 2017. Quranku, Sahabatku menjadi tema penting bagi rancangan yang disiarkan selama 7 minggu ini. Program ini

berusaha membawa penonton untuk menghayati al-Quran sebagai panduan dan cahaya dalam hidup sekaligus mengamalkannya dalam kehidupan seharian.

b) Hafiz Indonesia

Rancangan Hafiz Indonesia telah menarik ramai anak-anak kecil terdorong untuk menghafaz al-Quran. Rancangan tersebut yang berasal dari Indonesia telah viral di media sosial Youtube ini. Ini dapat dibuktikan apabila saluran Hafiz Indonesia mempunyai 1.64 juta pengikut di Youtube. Rancangan realiti yang disiarkan ketika bulan Ramadan di stesen RCTI ini bermula pada 2013 iaitu musim pertama dan berlangsung setiap tahun sehinggalah pada 2019. Konsep pertandingan yang melahirkan Hafiz al-Quran ini dibuktikan dengan sambutan memberangsangkan dari penonton youtube menerusi jumlah pendaftar Youtube.

c) Qari Junior

Rancangan ini mula diterbitkan pada 2012 oleh TV3. Program realiti TV Hafazan Al-Quran di mana peserta adalah kanak-kanak berumur 7-12 tahun. Program ini memaparkan kemahiran kanak-kanak menghafaz ayat Al-Quran dan menimbulkan minat penonton untuk mendekati diri dengan Al-Quran. Program ini diacarakan oleh Zhafran Zainuldin (Pengacara Akademi Al-Quran 5 & GPS IMAN) serta dua juri tetap, Ustaz Zamri Zainuldin (Pengacara Mari Mengaji & Adik Dan Al-Quran) dan Sharifah Khasif Fadzilah Syed Badiuzzaman (Pengacara Akademi Al-Quran 4 & 5). Qari Junior TV3 mempunyai page di Facebook dengan pengikut seramai 20,012. Kebanyakan video-video qari junior telah diupload dalam Youtube. Sambutan yang diberikan terhadap program realiti untuk kanak-kanak 7- 12 tahun ini amat menggalakkan dan menarik lebih ramai *audiens* untuk menghayati bacaan al-Quran secara tidak langsung.

3.2 Peranan Media Sosial Dalam Bidang Hafazan Al-Quran

Bagi golongan pendakwah, mereka menganggap bahawa media sosial sebagai sarana dalam mempromosikan kefahaman Islam dan salah satu kaedah komunikasi yang popular dan moden untuk menyampaikan dakwah (Mohd Shuhaimi & Sohirin, 2012). kepada golongan muda dan berpendidikan. Selain daripada aktiviti dakwah yang lazimnya dijalankan secara bersemuka oleh individu atau pihak yang berkecimpung dalam bidang keagamaan, media sosial juga dapat dijadikan platform alternatif dalam proses penyebaran ajaran Islam (Mohd Nasran, 2009). Hakikatnya, media sosial mempunyai kemampuan untuk menyebarkan maklumat dengan cepat, padat, ringkas, mudah difahami (Amaludin, Zaid, Sarjit, Lee, Nazri & Asyikin, 2011) serta membolehkan pesanan berunsur Islam disebar kepada khalayak yang pelbagai (Mohd Shuhaimi & Sohirin, 2012). Misalnya, media sosial dapat membekalkan pelbagai kandungan sama ada berbentuk dokumentasi, berita, analisis, isu dan gambaran tentang Islam dengan lebih efektif kepada semua lapisan masyarakat yang mempunyai akses kepada Internet (Mohd. Shuhaimi & Sohirin, 2012).

Media sosial yang digunakan terus secara talian adalah melalui aplikasi-aplikasi tertentu seperti Facebook, Twitter dan Wechat. Media sosial juga merangkumi blog, forum dan rangkaian sosial. Oleh itu, penggunaan media sosial seperti aplikasi WhatsApp, Facebook, blog, Twitter mahupun Instagram hari ini adalah medium terbaik untuk menjelaskan maklumat mengenai bidang hafazan al-Quran dengan lebih jelas walaupun penerangan mengenai teori ini telahpun disampaikan melalui ceramah, forum perdana, diskusi ilmiah serta banyak lagi akan tetapi penyampaian maklumat menggunakan medium media sosial adalah satu langkah yang bagus kerana sekarang ini masa telah melangkaui segalanya. Oleh yang demikian, dengan adanya Internet dan telefon pintar, kita dapat mengetahui mengenai bidang hafazan al-Quran dengan mudah dan cepat dan boleh diakses di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Selain itu, melalui media sosial masyarakat mampu menyampaikan pesanan dan berkongsi idea mengenai hafazan al-Quran.

Justeru, dalam memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai bidang hafazan al-Quran melalui media sosial diperlukan dalam memberikan maklumat dengan lebih mendalam dan seterusnya boleh diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Selain itu, pengumpulan maklumat sahih daripada pihak yang arif mengenai sesuatu hukum yang telah ditularkan dan kemudian dijadikan bahan berita dan kemudian menemubual mereka yang telah menjadi tular di media sosial dan memuat naik berita tersebut ke laman sesawang. Perkara ini secara langsung dapat memberi maklumat kepada masyarakat mengenai bidang hafazan al-Quran. Ini kerana, media sosial adalah medium terbaik dalam menyebarkan sesuatu maklumat kepada masyarakat. Masyarakat juga perlu meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab dalam menilai sesuatu bahan rujukan yang diperolehi dan rujukan yang disampaikan mestilah merujuk kepada undang-undang yang telah diperuntukan dalam akta penyebaran maklumat. Jika merasakan sesuatu info yang tersebar di media sosial adalah tidak betul dan menjatuhkan maruah seseorang, namun disarankan agar melakukan aduan kepada pihak berkuasa atau melakukan demo secara aman supaya wujud suasana positif dan memberi manfaat kepada masyarakat (Supyan Hussin, 2015).

3.3 Perbincangan

Faktor utama yang mendorong pemilihan media sosial sebagai medium terbaik dalam bidang hafazan al-Quran dalam artikel ini adalah kerana terdapat keunikan ciri tersendiri yang dimiliki oleh setiap media untuk menjadi aset yang dapat menarik masyarakat bagi menjadikannya sebagai sumber maklumat utama. Sebagai masyarakat yang mempunyai banyak pilihan sumber untuk memperoleh maklumat tentang sesuatu isu atau maklumat, masyarakat seharusnya mempunyai pendirian dan persepsi tersendiri terhadap setiap media yang digunakan, sama ada ia bersifat positif atau negatif, seterusnya mendorong atau merencatkan penggunaan media tersebut. Tuntasnya, pemilihan media ditentukan oleh kapasitinya dalam membawa pesanan yang selaras dengan motivasi pada pengguna untuk mengetahui bidang hafazan al-Quran dengan lebih jelas dan terperinci. Dengan kata lain, satu-satu media digunakan bagi mendapatkan maklumat suatu tajuk kerana ia dapat memenuhi keperluan kognitif, keperluan sosial dan motif agama seseorang individu tersebut.

Oleh yang demikian, dalam zaman dunia tanpa sempadan yang mana masyarakat terdedah dengan dunia teknologi yang pesat dengan kepantasan Internet tanpa had, dapat lihat bahawa media sosial adalah salah satu medan dakwah yang penting dan sesuai dilakukan untuk meningkatkan dakwah Islam terutama dalam mengetahui bidang hafazan al-Quran. Terdapat beberapa kelebihan yang dihasilkan oleh media sosial dalam menyampaikan dakwah dengan lebih jelas dan terperinci. Antara kelebihan media sosial dijadikan medium dakwah adalah:

- a) Penggunaan media sosial dalam hafazan al-Quran merupakan satu inisiatif yang berkesan dan memberi implikasi positif contohnya program realiti TV Tahfiz Muda, Hafiz Indonesia dan Qari Junior. Implikasi melalui penggunaan media sosial ini dapat dilihat melalui sudut masyarakat dan individu itu sendiri. Implikasi terhadap individu melalui pendekatan dakwah memberi kesan apabila seseorang individu mampu menjalankan tanggungjawab dengan baik dalam memahami bidang hafazan al-Quran dan seterusnya diaplikasikan dalam kehidupan sehariannya.
- b) Media sosial sebagai medium penyebaran dakwah adalah satu keutamaan kerana mampu menasarkan lebih ramai target melalui pendedahan dakwah yang dilakukan atas tujuan menyeru kepada kebaikan. Sebagai contoh, seorang pendakwah menerangkan mengenai bidang hafazan al-Quran melalui aplikasi Facebook (Laila Nadiatul Falah, 2014), Youtube, Intagram dan sebagainya. Facebook merupakan antara aplikasi kegemaran yang digunakan oleh masyarakat pada zaman kini untuk berkongsi cerita dan berhubung dengan kawan-kawan. Hal ini bukan sahaja dapat memberi impak apabila dilihat oleh masyarakat Islam, akan tetapi ia juga berupaya menarik kaum lain untuk sama-sama memahami keindahan Islam sebagai agama yang benar malah mampu mengangkat lebih ramai manusia untuk kembali mentaati Allah SWT apabila menjadikan media sosial ini sebagai jalan untuk menyampaikan dakwah Islam.
- c) Peranan penggunaan laman web sosial untuk menembusi benteng sasaran dakwah remaja yang gemarkan gajet teknologi pelengkap interaksi sosial mereka seperti melalui Facebook, Twitter mahupun aplikasi WhatsApp dilihat sebagai faktor kepada pengimplementasian dakwah alaf baharu.
- d) Penggunaan media sosial seperti blog, Facebook, YouTube, Twitter dan Instagram tidak sekadar menjadi ruangan sembang kosong atau hanya untuk meluangkan masa lapang tetapi mampu menjadi medium dakwah yang terbaik. Media sosial ini turut menjadi satu cara untuk menambahkan pengetahuan kepada masyarakat Islam khususnya mengenai bidang hafazan al-Quran. Media sosial masa kini menjadi rangkaian komunikasi yang meluas kepada segenap lapisan masyarakat tidak kira golongan remaja, dewasa mahu pun pemimpin memilih untuk menggunakannya. Setiap minit, berpuluh-puluh video dimuat naik ke dalam YouTube. Berjuta-juta orang pula akan menggunakan Facebook. Berjuta-juta pelanggan akan 'tweet' dalam Twitter. Begitulah ramainya jumlah pengunjung media sosial. Mereka lebih senang melawat dan mengguna media sosial

berbanding melawat laman web agensi Kerajaan. Oleh yang demikian, medium ini perlu digunakan secara strategik dalam menerangkan mengenai bidang hafazan al-Quran dan aplikasinya dalam kehidupan seharian.

- e) Media sosial merupakan alat yang berpengaruh dan peranan dalam semua aktiviti komunikasi. Contohnya rancangan realiti TV yang dipilih mendapat sebutan yang menggalakkan contohnya Hafiz Indonesia mempunyai 1.64 juta pengikut di Youtube, begitu juga dengan Tahfiz Muda dan Qari Junior yang mempunyai ribuan pengikut. Setiap individu memerlukan media sosial sebagai perantara untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat tidak kira sama ada melalui media cetak atau media elektronik. Kini, dengan perkembangan pesat teknologi komunikasi maklumat berjaya menjurus kepada penggunaan saluran Internet dengan lebih meluas dalam komunikasi seharian khususnya dalam aspek penglibatan pengguna dalam berinteraksi melalui dalam talian dan dikenali sebagai komunikasi siber. Oleh itu, penyampaian maklumat pada masa kini telah mencetuskan suatu fenomena di mana masyarakat boleh mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan tepat.

Oleh yang demikian, penggunaan media sosial telah berkembang dengan pesat sejak kebelakangan ini dan ia menjadi medium komunikasi utama dalam kalangan masyarakat kita. Budaya ini menjadikannya satu keperluan kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat mengenai bidang hafazan al-Quran dengan mudah dan cepat. Justeru, perbincangan keagamaan mengenai bidang hafazan al-Quran bukan sahaja boleh dibukukan atau disebarkan dalam bentuk fizikal namun turut boleh disebarkan melalui aplikasi yang lebih dekat dengan masyarakat supaya lebih ramai mendapat manfaat. Perkara ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua masyarakat Islam mengenai bidang hafazan al-Quran serta hal-hal yang berkaitan dengan al-Quran oleh masyarakat Islam untuk terus mengekalkan keharmonian dan keamanan dalam kehidupan masing-masing. Hafazan al-Quran boleh disifatkan sebagai suatu gagasan yang mantap. Penggunaan media sosial dalam memberi penjelasan mengenai hafazan al-Quran adalah sesuatu perkara yang sangat mantap dan teratur baik. Oleh yang demikian selain daripada usaha-usaha menggunakan medium media sosial dalam memberi penjelasan mengenai bidang hafazan al-Quran medium lain turut boleh dilakukan dan seterusnya dilaksanakan.

Penutup

Komunikasi dan interaksi pada masa ini tidak hanya terhad kepada interaksi secara bersemuka, tetapi komunikasi kini terjalin dalam interaksi ruang maya melalui laman web sosial. Media sosial kini mampu dijadikan medan penyebaran pesanan dakwah kerana ia dapat menjangkau bilangan masyarakat dengan syarat mereka mempunyai akses kepada Internet. Justeru, pendakwah perlu mempunyai kemahiran serta pengetahuan bagi memaksimumkan keberkesanan dakwah yang dilaksanakan. Pendakwah hari ini juga perlu menjadi lebih kreatif dan fleksibel dalam mendekati diri dengan masyarakat agar pesanan dakwah tersebut dapat diterima dan diaplikasikan. Oleh itu, penggunaan media sosial dalam Islam seharusnya lebih menekankan konsep tauhid dan menjadikan Islam sebagai acuan hidup masyarakat. Hasil daripada atikel ini dapat menyumbang kepada pengetahuan masyarakat Islam

mengenai bidang hafazan al-Quran dengan lebih jelas dan terperinci disamping mendedahkan bidang hafazan al-Quran kepada kelompok yang lebih luas. Masyarakat Islam juga akan sentiasa bermaklumat dan celik menggunakan teknologi komunikasi untuk tujuan kebaikan serta mempertingkatkan manfaat pesanan dan penyampaian dakwah dalam kehidupan. Daripada sudut yang lain, Internet dan media sosial sangat berguna dalam kalangan masyarakat Islam dalam memberi ruang kepada mereka bersuara melahirkan pendapat serta menjadikan mereka lebih berani memperjuangkan kepentingan mereka di masa hadapan selari dengan tuntutan syarak. Dengan capaian yang mudah dari media sosial, didapati masyarakat secara tidak langsung mendapat ilmu berkaitan al-Quran walau di mana mereka berada..

Penghargaan

Dapatan ini merupakan sebahagian daripada kajian dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (KUIS/PB/2018/GPIK 1/GPI/ 006) “ *Pendekatan Komunikasi Guru Hafazan al-Quran Pra Tahfiz di Selangor*”.

Rujukan

- Al-Quran. (2010). *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1987.
- Ab. Hamid Ali, Fadzli Adam, Wan Solihin Wong Abdullah & Wan Abd. Aziz Wan Mohd Amin. (2014). Penerimaan blog sebagai medium agama dalam kalangan pelajar IPTA di Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization*. iCasic 2014. 4-5 Mac 2014, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Azman Che Mat, Khairul Azhar Bin Abd. Karim, Azarudin Awang, Ahmad Fakrulazizi Abu Bakar, N. S. M. & A. Z. N. 2017. Dakwah Melalui Media Sosial: Penerimaan Dalam Kalangan Warga Ipd Setiu, Terengganu. *2nd International Islamic Heritadge Confrence*, hlm. 987–994.
- Amaludin Ab. Rahman, Zaid Ahmad, Sarjit Singh Darshan Sing, Lee Yok Fee, Muhamad Nazri Lokman & Noor Asyikin Harun. (2011). Persepsi dan kefahaman masyarakat bukan Islam terhadap Islam hadhari. *Jurnal Hadhari*, 3(2), 63 – 82.
- Dian Mursyidah & Agus Salim. (2012). Dakwah Melalui Media Siber: Analisis Pesan Dakwah Dalam Website Dakwatuna.Com. *Media Akademika*, 27(4), 569-586.
- Ghazali Sulaiman. (2007). *Media Komunikasi Islam*. S.Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Faezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UiTM.
- Huzaimah Ismail & Baterah Alias. (2007). *Dakwah dan Kewajipan*. S.Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Faezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UiTM
- Ibn Manzur. (1990). *Lisan al-'Arab*. Bayrut: Dar Sadir.
- Laila Nadiatul Falah. (2014). *Peran Facebook sebagai media komunikasi dakwah group jama'ah muslimin (Hizbullah)*. *eJournal Ilmu Komunikasi*, 2(1), 388-400.
- Maulana, I. I., Saefullah, C. & Sukayat, T. 2018. Dakwah di Media Sosial pada Channel Youtube Akhyar TV. *Tabligh: Jurnal Komunikasi dan Penyiaran Islam* 3(3): 258–274. doi:10.15575/tabligh.v3i3.675
- Md. Salleh Hassan & Saiful Nujaimi Abdul Rahman. (2000). *Modul pengenalan Komunikasi Massa*. Serdang: Penerbitan Universiti Putra Malaysia.

- Mohamad Shahir Abdullah. (2013). Berdakwah Dalam Era Multimedia. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar 'Islam dan Multimedia' di IKIM. Diakses daripada <http://www.islam.gov.my/en/berdakwah-dalam-era-multimedia>
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2013). Hikmah dalam Berdakwah. Diakses daripada <http://www.mindamadani.my/artikel/bicara-haraki/item/13-hikmah-dalam-berdakwah.html>
- Mohd Shobi Ishak, Musa Abu Hassan, Siti Zobidah Omar & Jusang Bolong. (2011). Kredibiliti Maklumat Sebagai Faktor Antecedent yang Mempengaruhi dan peranan Tanggapan Pengguna dalam Model Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam di Internet. Bangi: UKM
- Mohd. Shuhaimi Bin Haji Ishak & Sohirin Mohammad Solihin. (2012). *Islam and media. Asian Social Science*. 8(7), 263-269.
- Musa Abu Hassan, Zulkiple Abd. Ghani, Mohd Shobi Ishak, Jusang Bolong & Siti Zobidah Omar. (2011). Tahap Penerimaan Maklumat Berkaitan Islam di Iternet Dari Perspektif Model Penerimaan Teknologi (TAM). Bangi: UKM.
- Najidah Zakariya, & Abu Dardaa Mohamad. (2013). Media sebagai wasilah dakwah. *Al-Hikmah*, (5)92-99.
- Noor Shakirah Mat Akhir. (2006). *Dakwah dan Cabaran Teknologi Maklumat dalam Isu dan Cabaran Media di Malaysia*. (pnyt.) Mohamad Md Yusoff et al. Pulau Pinang: Pusat Pengajian Komunikasi Universiti Sains Malaysia.
- Rosmawati Mohd Rasit, Salasiah Hanin Hamjah & Adawiyah Ismail. (2011). *Media dakwah dan tingkah laku prososial: Satu perspektif*. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Media & Dakwah (SMED 2011), USIM.
- Siti Eizaleila Mustafa & Azizah Hamzah. (2010). Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. 12(2): 37–52.
- Siti Suriyani Sulaiman. 2018. Kaedah Hafazan : Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding Volume 2*(1): 44–59.
- Sohirin & M. Solihin. (2008). *Islamic Da'wah: Theory and Practice*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia (IIUM) Press.
- Syukur Kholil. (2002). *Penyiaran agama, penggunaan media dan kepuasan khalayak agama di televisyen: Kajian di Medan Indonesia*. (Tesis PhD tidak diterbitkan). Bangi: Universiti kebangsaan Malaysia.
- Umar Halim & Samsudin A. Rahim. (2013). Penglibatan digital: Akses dan penggunaan e agama dalam kalangan generasi muda Muslim. *Jurnal Komunikasi*, 27(2):121-135.
- Zulkifli Hassan (2008). *Memfaatkan Media Sosial Untuk Dakwah*. Diakses daripada <http://zulkiflihasan.files.wordpress.com/2008/05/friday-khutbah-usim.pdf>
- Zulkiple Abd Ghani. (2001). *Komunikasi Islam Sebagai Komunikasi Alternatif*. *Jurnal Islamiyyat*. 22: 79- 89.